



## BANGUNAN BARU JABATAN RADIO DAN PENERANGAN BRUNEI DAN DEWAN BAHASA

**BANDAR BRUNEI.** — Persediaan sedang di-jalakan oleh Kerajaan Brunei untuk membangunkan bangunan baharu Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Brunei serta bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Wang sa-banyak kira2 \$2,760,000 akan di-gunakan bagi membangunkan bangunan tersebut. Wang ini tidak-lah termasuk alat2 kelengkapan, jentera radio dan lain2 perkakas.

### Sambutan Meriah Untuk D.Y.M.M.

**BANDAR BRUNEI.** — Keberangkatan ketibaan kembali Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, di-jangka dalam minggu depan, akan mendapat sambutan meriah yang akan diberikan oleh seluruh lapisan ra'ayat baginda.

Sa-tiba baginda di-Lapangan Terbang Brunei nanti 21 das tembakan marian dan satu barisan kehormatan akan di-adakan sa-bagai tanda keshukoran dan ucapan selamat kembali kepada baginda dan rombongan.

Baginda sekarang ini masih dalam lawatan mengelilingi dunia, dan menurut berita Reuter baginda telah tiba di-New Zealand pada 30 Mei lepas selepas mengadakan lawatan2 private di-England, Eropah, Amerika dan Canada.

Baginda dan rombongan telah berangkat meninggalkan Brunei awal bulan April lepas.

Bangunan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan ia-lah satinggi 7 tingkat, manakala bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka ia-lah sa-tinggi 6 tingkat. Bagaimana pun, luas tiap2 buah bangunan tersebut ia-lah sama, ia-itu bangunan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan sa-luas 50,000 kaki persegi dan begitu juga bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka 50,000 kaki persegi.

Bangunan tersebut akan dibena di-penjuru Jalan Elizabeth II dan Jalan Stoney, di-Bandar Brunei.

Pembinaan bangunan tersebut akan di-jalankan tidak berapa lama lagi, ia-itu sa-lepas bangunan2 kepunyaan Kerajaan yang pada masa ini di-duduki oleh Pegawai2 Kerajaan, di-runtuhkan.

Menurut keterangan sa-orang Juruchakap pembinaan bangunan tersebut, bangunan

itu akan dapat di-gunakan pada awal tahun 1966 kelak.

Arkitek atau pelukis bangunan tersebut ia-lah James Cubitt, Leonard Manasseh dan Rakan2-nya.

Lebeh lanjut di-fahamkan bahawa bangunan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan akan mengandongi :

Tingkat bawah (di-kosongkan buat sementara). Tingkat kedua — Dewan Bacaan Orang Ramai di-satu bahagian dan Bahagian Penggambaran di-bahagian yang lain pula. Tingkat ketiga —

Bilek2 Berita. Tingkat keempat — Bahagian Penyiaran. Tingkat kelima (di-kosongkan buat sementara). Tingkat keenam — Bahagian Pentadbiran dan Tingkat ketujuh — di-gunakan oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah serta Jurutera2 Jabatan Siaran Radio dan Penerangan.

Bangunan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan itu akan mengandongi 6 studio2 yang besar, antara-nya ia-lah sa-buah studio untuk sandiwara dan sa-buah lagi studio untuk pancha-ragam.

### Majlis2 Menyampaikan Perisai2 Kedatangan Kurniaan D.Y.M.M.

**BANDAR BRUNEI.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah menitahkan nama2 yang di-sebutkan di-bawah ini sa-bagai Wakil2 Baginda untuk menyampaikan Perisai2 Kedatangan yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia kapada Sekolah2 Melayu yang berkenaan dalam Negeri Brunei.

Perisai2 tersebut akan di-hadiahkan kepada Sekolah2 Melayu yang terbaik mengenai kedatangan pada sa-panjang tahun 1963 di-tiap2 Bahagian.

Upacara menyampaikan Perisai2 Kedatangan tersebut akan di-adakan di-Sekolah2 Melayu yang di-bawah ini.


Hari Ahad 7 Jun, 1964 — pukul 10 pagi di-Sekolah Melayu Batu Marang. Perisai2 Kedatangan tersebut akan di-sampaikan

oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin, Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Hari Isnin 22 Jun, 1964 - pukul 12 tengah hari di-Sekolah Melayu Bukit Sawat, Ulu Belait. Perisai2 Kedatangan tersebut akan di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Hari Khamis 25 Jun, 1964 - pukul 10 pagi kapada (a) Seko-

(Lihat Muka 5)



Lukisan bentuk bangunan baru Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei serta Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.



# KERAJAAN SEDIA MENERIMA PENGADUAN2

## Untok Mengujudkan Keamanan Negara

— Kata Y. B. Awang Salleh Kadir

**BUNUT.** — "Kerajaan pada bila2 masa ada-lah bersedia menerima segala pengaduan2 dari ra'ayat, baik dari segi keadaan negeri, mahu pun dari segi keadaan ra'ayat demi untok mengujudkan keamanan dan kema'amoran yang tulim di-negeri ini", demikian kata Pemangku Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

Yang Berhormat Awang Salleh telah melafadzkan kata2 tersebut di-majlis mengangkat sumpah dan pembebasan bekas orang2 tahanan di-Pusat Pemulihan Bunut pada petang hari Selasa 26 Mei, 1964.

Bekas orang2 tahanan tersebut, berjumlah seramai 34 orang, telah di-pindahkan dari Khemah Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulihan Bunut untok menjalani kursus pemulihan selama 10 hari.

Maka dengan pembebasan bekas orang2 tahanan tersebut, seramai 1,356 orang yang menjalani kursus pemulihan tersebut telah di-bebasikan semenjak awal tahun lepas.

Dalam ucapan Yang Berhormat Awang Salleh di-majlis tersebut, beliau menegaskan sa-kiranya ada sa-barang kemushkilan, maka tidak-lah perlu bekas orang2 tahanan tersebut takut untok mengemukakan kepada Kerajaan, kerana chita2 Kerajaan ada-lah untok mengujudkan keamanan dan kema'amoran dalam serba serbi.

"Kerajaan tidak mahu ra'ayat dalam negeri ini hidup dalam keadaan kuchar-kachir. Kerajaan tidak mahu keadaan dalam negeri ini tidak memuaskan hati ra'ayat dan lebeh tegas saya katakan bahawa PERHUBONGAN ERAT ANTARA RA'AYAT DENGAN KERAJAAN ada-lah sangat2 di-harapkan demi untok mencapai segala maksud tersebut," kata beliau.

Ketika mulai melafadzkan ucapan beliau di-majlis tersebut, Yang Berhormat Awang Salleh berkata bahawa hari tersebut ialah kali yang ketiga beliau memberi ucapan di-majlis yang serupa itu dan beliau merasai itu-lah peluang bagi diri beliau untok menyampaikan rasa simpati beliau kepada bekas orang2 tahanan itu yang begitu lama merengkok dalam tahanan di-sebabkan terananya oleh orang2 yang memperjuangkan kepentingannya sendiri.

"Saya rasa tuan2 mungkin menyimpan rasa kesal atas kejadian2 yang telah berlaku yang menyebabkan tuan2 semua terpisah dari anak isteri, keluarga dan sahabat handai yang begitu tuan2 kasehi.

"Kejadian ini sudah tentu tuan2 semua tidak rela akan terjadi lagi pada masa yang akan datang, kerana tuan2 juga adalah ra'ayat yang tidak kurang tanggung-jawab-nya atas kemajuan dan kema'amoran negara tuan2 sendiri.

"Sudah tentu tuan2 semua tidak mahu negara tuan2 yang

aman damai di-nodai oleh kejahatan yang bakal membawa kepada pechah belah antara tuan2 sendiri, kerana kalau negara tuan2 dan juga negara saya sendiri dalam keadaan kuchar-kachir, ra'ayat berpechah-belah alamat hidup kita sudah lintang-pukang dan kejadian2 yang kita tidak mahu berlaku akan ujud dan perpaduan sudah tidak ada lagi, "Jadi, kalau negara kita sudah berkeadaan sademikian, kemanakah kita hendak berpegang lagi dan apa-lah halnya anak2 keturunan kita masa hadapan? Tentu keturunan kita akan mengutok kita kalau negara kita tidak terpelihara keamanan dan kema'amoran-nya dari sekarang.

"Oleh yang demikian, saya, bagi pehak Kerajaan menyeru kepada tuan2 supaya memberikan kerjasama tuan2 untok menentang segala rupa kejahatan yang akan memporak-perandakan perpaduan ra'ayat di-negeri ini yang begitu kukoh sejak berkurun2", demikian kata lagi Yang Berhormat Awang Salleh.

Selanjut beliau berkata, "Adalah menjadi kesalahan besar kepada tuan2 sendiri dan saterusnya kepada seluruh lapisan ra'ayat menyembunyikan segala kemungkinan2 jahat yang hendak di-lancarkan oleh orang2 yang mementingkan diri-nya sendiri.

"Apabila tuan2 telah selamat bebas dan kembali kepada anak-isteri dan keluarga tuan2 serta sahabat-handai tuan2, tuan2 semua hendak-lah berhati2 dan hendak-lah berjaga2 pada pengarah2 yang berhajat hendak mengpengaruhi tuan2 supaya terjun ka-lambah yang burok dari yang pernah tuan2 hadapi pada masa yang sudah2.

### PERPADUAN

"Tuan2 harus menyedari akan tanggung jawab tuan2 kepada negara, anak isteri dan keluarga tuan2.

"Tuan2 harus mengujudkan perpaduan dan kemesraan antara anak isteri dan keluarga dan tuan2 bertanggung-jawab mengujudkan kembali keamanan dan kema'amoran di-negeri ini.

"Tuan2 harus ingat kembali akan kejadian yang lalu yang menyebabkan beribu2 ra'ayat di-negeri ini yang tidak berdosa — lelaki dan perempuan dan anak2 kecil telah menerima seksaan hidup yang tidak pernah mereka hadapi."

Kemudian dengan sedih-nya Yang Berhormat Awang Salleh berkata, "Tuan2 harus ingat, bo-

leh di-katakan, BERIBU2 GELEN AYER MATA MENGALIR dan beribu2 hati di-penjara kesusahan dan kemasholan disebabkan berlaku-nya peristiwa mengejut dalam bulan Disember tahun 1962.

"Dari sejak itu, berbagai2 kejadian yang tidak pernah terjadi telah ujud, percherajaan antara suami yang menjalani tahanan dengan isteri2 mereka kian menjadi2. Ini tidak boleh di-salahkan pehak isteri, kerana penghidupan isteri ada-lah bergantung pada suami-nya.

"Jadi, kalau suami sudah tidak ada di-samping isteri berbulan2 dan bertahun2, tentu-nya kehidupan-nya kian merosot dan fikiran-nya kachau terutama sekali pada isteri2 yang mempunyai anak yang maseh muda dan perlu pada kepuasan hidup. Tuan2 harus menyedari tanggung-jawab ini."

### PEMBEBASAN

Kemudian Yang Berhormat Awang Salleh menegaskan lagi bahawa ada-kah bekas orang2 tahanan yang hadir di-majlis pembebasan tersebut suka agar-nya kejadian2 serupa sa-bagaimana yang telah berlaku di-Negeri Brunei dalam bulan Disember tahun 1962 itu akan berulang kembali?

"Sudah tentu tidak," kata Yang Berhormat Awang Salleh.

"Jadi," kata-nya, "tanggung-jawab tuan2 ada-lah besar mana-nya terhadap Bangsa, Negara

dan Ugama kita yang Maha Suci dan benchi pada perpechahan pengamat2-nya."

Saterus-nya beliau menasihatkan bekas orang2 tahanan itu supaya mereka menjauhkan diri masing2 dari kejadian2 yang mungkin berlaku itu dan beri-lah kerja-sama mereka-itu kepada Kerajaan serta laporkan-lah kepada Kerajaan jika mereka meng-tahui bahawa gerakan2 meng-khianat sedang di-usahakan di-Negeri Brunei.

### PERDAMAIAN

"Jasa2 baik dari tuan2 semua akan di-kenang sa-umur hidup oleh seluruh ra'ayat yang chinakan perdamaian dan kema'amoran yang sa-benar-nya.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ada-lah berchita2 penoh untok kesejahteraan tuan2 semua dan seluruh ra'ayat di-negeri ini, dan sudah tentu chita2 yang mulia itu tidak akan terlaksana jika tidak dengan kerja-sama seluruh lapisan ra'ayat", kata lagi Yang Berhormat Awang Salleh.

Pada masa menamatkan ucapan beliau, Yang Berhormat Awang Salleh berkata beliau berharap bahawa pembebasan bekas orang2 tahanan itu nanti akan dapat mereka mengeratkan ia-itu semata2 untok kesejahteraan mereka serta keluarga mereka dan saterus-nya untok keamanan dan kema'amoran negara.

## Seminar Sastera Anjoran Asterawani

**BANDAR BRUNEI.** — Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (rangkas-nya ASTERAWANI) Brunei akan mengadakan Seminar Sastera selama tiga hari mulai dari hari Juma'at 12 Jun hingga ka-hari Ahad 14 Jun, 1964, bertempat di-bangunan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Seminar tersebut akan membincangkan perkara2 yang khas mengenai kesusasteraan Melayu di-Brunei di-zaman ini.

Sementara itu Asterawani telah meminta seramai 15 orang para pengarang untok menulis kertas2 kerja mengenai masaalah sastera di-Brunei.

Perbincangan Seminar Sastera itu akan di-bahagikan kepada tiga seksi, ia-itu saperti di-bawah ini:

Seksi "A" — Bahagian Puisi.  
Seksi "B" — Bahagian Prosa dan Seksi "C" — Bahagian Drama/Kritik.

Menurut keterangan Setiausaha Seminar tersebut, Awang Azahari bin Haji Apong, "Seminar ini bertujuan untok memperhebat usaha ka-arrah menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Kebangsaan dan untok mempertemukan para pengarang dan sasterawan mengenai hasil2 karya mereka di-masa depan dan untok turut sama2 mencari langkah yang baik bagi kemajuan sastera."

Sa-buah Jawatan Kuasa telah di-bentuk untok menayakan seminar tersebut, ia-itu:—

Pengurus Jawatan Kuasa Pusat — Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin, Naib Pengurus I — Awang Muslim Burmat, Naib Pengurus II — Awang Yahya Haji Ibrahim.

Setiausaha — Awang Azahari Haji Apong, Naib Setiausaha I — Awang Lemah Ahmad dan Naib Setiausaha II — Awang Mohamed Diah Abu Bakar, Bendahari — Awang Mohamed Abdul Latif, Setia Usaha Penerangan — Awang Ahmad Husain.

Sa-lain dari itu, beberapa buah Jawatan Kuasa Kecil telah di-bentuk untok menghasilkan seminar sastera itu.

Jawatan Kuasa Seminar Sastera ini menjemput semua peminat2 bahasa di-Brunei dan menyeru menghadrati seminar tersebut supaya dapat-lah mereka membincangkan bersama2 masaalah2 sastera.

Peminat2 bahasa di-Brunei yang ingin hadir di-seminar itu di-minta berhubung dengan Setiausaha Seminar, alamat Peti Surat 434, Bandar Brunei tidak lewat dari 6 Jun.



# Peraduan Lukisan Anjoran U.N.I.C.E.F.

PELUKIS2 BRUNEI DI-JEMPUT  
MENGAMBIL BAHAGIAN

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan lukisan bagi murid2 antara bangsa akan di-adakan di-Canada dalam bulan Ogos tahun ini di-bawah anjoran Jawatan Kuasa Kebangsaan U.N.I.C.E.F. Hollow'en di-Canada.

## ANGGOTA2 TENTERA BERPINDAH

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Tentera Inggeris yang tinggal di-Brunei telah berpindah ka-Labuan mulai dari hari Khamis 28 Mei yang lalu.

Pemindahan Tentera Inggeris dari Brunei ka-Labuan telah dilakukan sa-chara berperingkat kerana menunggu khemah2 yang baharu di-Labuan siap di-bena. Demikian menurut keterangan seorang Juruchakap Tentera Inggeris di-Brunei.

Tentera Inggeris yang berkhidmat di-Labuan, kata Juruchakap tersebut, di-letakkan di-bawah perintah Lieutenant Colonel Eirik mulai dari 1 Jun, 1964.

Bagaimana pun, kata beliau, Pengarah Gerakan Tentera2 di-Wilayah Borneo, Major General Dato W.C. Walker dan Pegawai2 Kanan-nya akan tinggal di-Brunei buat sementara waktu.

Berikutan dengan pembenaan sa-buah kawasan perkhemahan tentera yang baharu tidak jauh dari Lapangan Terbang Brunei di-Berakas, maka tentera2 yang menggunakan bangunan Sekolah China Chung Hwa, akan berpindah ka-khemah yang baharu itu tidak berapa lama lagi.

Menurut keterangan Juruchakap Tentera tersebut sa-lanjut-nya, Tentera2 Inggeris yang kini berkhidmat di-Seria tidak akan berpindah buat sementara waktu. Bangunan2 yang di-duduki oleh Tentera2 di-Negeri Brunei akan di-serahkan kepada pehak yang berkuasa bangunan2 itu sa-baik sahaja anggota2 Tentera2 itu berpindah ka-tempat yang lain pula.

## Balek Dari Kuala Lumpur

BERAKAS. — Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar dan Jurutulis, Majlis2 Mashuarat, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah kembali ka-Brunei dari Kuala Lumpur pada tengah hari 24 Mei sa-lepas menghadiri pembukaan Parlimen Malaysia di-Kuala Lumpur.

Beliau2 tersebut ia-lah di-antara tetamu2 di-luar Malaysia yang telah di-jemput untuk menghadiri upacara tersebut.

Berhubung dengan peraduan lukisan tersebut, Pengurus Jawatan Kuasa Peraduan Lukisan itu, Dayang Kate Aitken telah meminta kerjasama Persekutuan Guru2 Melayu Brunei supaya mengelolakan peraduan lukisan tersebut untuk murid2 di-Negeri Brunei.

12 buah lukisan yang terbaik akan di-hantar ka-Canada untuk mewakili Negeri Brunei.

Tema lukisan itu ia-lah "Dunia Kanak2".

Lukisan itu hendaklah menggambarkan keaslian negeri ini mengenai keadaan murid2 di-rumah, di-sekolah dan pada masa waktu bermain.

Latar belakang tiap2 buah lukisan itu hendaklah ada sangkut paut-nya dengan hawa, tumbuhan dan keadaan sekitar Negeri Brunei.

Jenis-nya yang di-kehendaki ia-lah chat postar atau "crayons". Pelukis2 hendaklah menggunakan kertas lukisan yang tebal. Lukisan2 yang berjaya tidak-lah akan di-kembalikan kepada pelukis-nya.

Tiap2 lukisan hendaklah mengandungi nama pelukis, umur dan sama-ada lelaki atau perempuan. Keterangan ini hendaklah di-tulis di-atas kertas yang lain dan di-sematkan di-atas kertas lukisan itu.

Peraduan ini ada-lah terbuka kepada semua murid2 sekolah dalam Negeri Brunei dan di-bahagikan kepada tiga bahagian, ia-itu:—

Bahagian 'A' — terbuka kepada murid2 yang berumur dari 7 tahun hingga ka-9 tahun — empat hadiah akan di-sediakan.

Bahagian 'B' — terbuka kepada murid2 yang berumur dari 10 tahun hingga ka-14 tahun — empat hadiah akan di-sediakan.

Bahagian 'C' — terbuka kepada murid2 yang berumur dari 15 tahun hingga ka-17 tahun — empat hadiah akan di-sediakan.

Lukisan2 dari murid2 yang berumur lebeh dari 17 tahun tidak-lah akan di-terima untuk bertanding.

Tarikh tutup menerima lukisan2 tersebut ia-lah 21 Jun, 1964.

Semua lukisan hendaklah di-hantarkan kepada Setia Usaha Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, d/a Pejabat Pelajaran, Brunei.

Tarikh dan tempat mengadakan peraduan lukisan tersebut di-Negeri Brunei akan di-umumkan kemudian.

## KAD2 PENGENALAN AKAN DI-ADAKAN SA-MULA DI-BRUNEI

BERAKAS. — Tiga orang Pegawai2 Kerajaan Brunei telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur baharu2 ini sa-lepas melawat ka-Singapura dan Kuala Lumpur untuk memerhatikan pekerjaan2 yang bersangkutan paut dengan pendaftaran kad2 pengenalan.

Beliau2 itu ia-lah Pemangku Penguasa Pengawalan Imigresen Brunei, Awang Ja'afar bin Haji Mohamedd Daud; Timbalan Pesuruh Jaya Pulis Brunei, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan Penolong Pengawalan Imigresen Brunei, Awang John Cardoza.

Berhubung dengan lawatan tersebut, Awang Ja'afar berkata dalam satu wawanchara dengan beliau bahawa lawatan tersebut telah berhasil dan memuaskan.

Brunei, kata-nya, akan mengadakan Kad2 Pengenalan sa-mula tidak berapa lama lagi.

Beliau2 itu telah melawat ka-Ibu Pejabat Pendaftar Kad Pengenalan Malaya di-Petaling Jaya, Pejabat2 Imigresen di-Kuala Lumpur dan Singapura serta ka-Pejabat2 Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Kuala Lumpur dan Singapura.

Lawatan ka-Pejabat2 Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris tersebut, kata Awang Ja'afar, ia-lah bersangkutan paut dengan masa'alah "visa".

## ORANG2 CHINA SANGGOP MENGGUNAKAN BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Orang2 china di-negeri ini telah menyatakan kesanggapan dan berjanji akan berusaha menggunakan bahasa Melayu dalam segala lapangan.

Awang Lee Lin Gee, sa-orang pemimpin Dewan Perniagaan China telah membuat kenyataan tersebut dalam satu perjumpaan antara pemimpin2 Dewan Perniagaan China Brunei dengan Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Awang Haji Jamil pada pagi 30 Mei.

Awang Lee menegaskan, beliau akan berusaha untuk menggesa ahli2 Dewan Perniagaan China untuk mempe'ajari bahasa Melayu dan menggunakan-nya sa-bagai bahasa rasmi dan bahasa Kebangsaan di-negeri ini.

Sa-belum itu, Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Awang Haji Jamil telah meminta kerjasama dari pemimpin2 dewan tersebut dalam menchapai hasrat Kerajaan menggunakan bahasa Melayu sa-luas2-nya sa-bagai bahasa rasmi yang telah di-tentukan oleh perlembagaan negeri.

Beliau berkata, pemimpin2 Dewan Perniagaan China telah menggunakan jasa baik-nya dalam pemakaian bahasa Melayu di-kalangan ahli2 perniagaan

bangsa Tiong Hwa dan hampir seluroh kedai2 telah menggunakan bahasa Melayu dalam papan2 nama kedai mereka.

Awang Haji Jamil juga dalam perjumpaan itu, meminta kepada mereka supaya menggunakan bahasa Melayu dengan tidak

ragu2 dalam iklan2, resit dan surat2 perhubungan mereka ke-cuali terpaksa menggunakan bahasa2 lain.

Antara yang hadir dalam perjumpaan itu, termasuklah Yang Berhormat Pehin Dato Temenggong Lim Cheng Choo.

## JEMA'AH2 HAJI SELAMAT BALEK DARI MEKAH

BANDAR BRUNEI. — Seramai 20 orang jema'ah2 Haji Brunei telah selamat pulang ka-Tanah Ayer dari Mekah dengan kapal laut pada tengah hari 26 Mei yang lalu.

Jema'ah2 Haji itu, mengandungi 12 orang lelaki dan 8 orang perempuan, telah berangkat dari Jeddah ka-Singapura dengan kapal Haji.

Kemudian mereka telah belayar dari Singapura ka-Labuan pada 22 Mei dengan kapal "Kunak" dan dari Labuan mereka telah be'ayar ka-Bandar Brunei dengan kapal Kerajaan Brunei — "Bolkiah".

Di-antara jema'ah2 Haji yang telah selamat pulang ka-Brunei pada minggu lalu, ia-lah Merindu Kanan Pulis Pengiran Haji Abas bin Pengiran Minuddin dan

isteri beliau Pengiran Hajjah Zubaidah.

Ramai keluarga2 dan sahabat-handai jema'ah2 Haji tersebut telah menyambut mereka pada masa jema'ah2 Haji itu mendarat di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei.

## Wakil2 Pengakap2 Brunei Ka-Australia

BANDAR BRUNEI. — Negeri Brunei akan menghantarkan lima orang Pengakap2 untuk mewakili negeri ini di-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia kali yang ketujuh di-Melbourne, Australia sa-belum penghujung tahun ini.



## Kebudayaan Sa-pintas Lalu IX:

# ISTIADAT TUNGGU TUNANG...PENGANTIN...BALEK 3 HARI

DALAM istiadat "menunggu tunang" bakal pengantin laki2 ber-kunjong ka-rumah bakal isteri-nya berturut2 sa-lama tiga malam, dengan di-temani oleh sanak saudara dan sahabat handai.

Di-rumah ini mereka menyertai dalam 'adat istiadat berjaga2 dengan mengadakan berbagai2 permainan dan perlawanan (achara2-nya lebeh kurang sama juga dengan achara2 sa-masa mengadakan istiadat menemui tanda.

Sa-sudah itu 'adat "masuk berbedak" pun di-langsungkan dengan mendahulukan bakal pengantin perempuan melangsungkan-nya kira2 dalam satu atau dua hari dari pehak laki2.

Sa-baya dengan sa'at ini pula, bakal pengantin laki2 bagi pehak-nya menjalankan istiadat "membacha nikah."

## MENGHANTAR WALI

Menurut kelaziman, pehak pengantin perempuan hanya menghantar wakil ia-itu wali ka-rumah pehak laki2 untuk memenohi sharat2 istiadat tersebut. Wali ini-lah nanti akan mewakili kepada hakim (orang yang akan menikahkan itu) bagi pehak bakal pengantin perempuan.

Dari segi Ugama, istiadat ini-lah yang lebeh wajib dan patut di-beri sambutan yang meriah. Istiadat ini ada-lah lebeh sa-suai di-beri perayaan oleh sanak saudara dan sahabat handai sekalian.

Tetapi sa-balek-nya, telah pula teradat istiadat membacha nikah ini hanya-lah di-hadiri oleh jemputan2 yang terdiri dari kaum keluarga dan orang tua2 sahaja, dan sahabat2 handai yang berdekatan.

Pada siang hari membachanikah itu istiadat "menghantar barian" di-lakukan.

Barian ini ada-lah berupa wang tunai di-simpan di-dalam gangsa yang beralas chantek, di-bawa oleh satu rombongan khas ka-tempat bakal pengantin perempuan untuk di-serahkan kepada orang tua perempuan itu.

Sekarang ini pula, 'adat susunan sa-macam ini sudah berubah. Sa-balek-nya istiadat menghantar barian di-dahulukan dari istiadat 'akad nikah.

Sementara itu suka saya sebutkan di-sini, ia-itu sa-masa mengadakan istiadat berbedak dan berpachar (berinai), perkakas2 kedua2 ini ada-lah di-

◆ Dalam keluaran yang lepas kita telah mengikuti 'adat istiadat perkahwinan yang terdapat antara penduduk2 di-Kampung Sungai Kedayan, Bandar Brunei, dari istiadat berjarum2 hingga kepada istiadat menghantar pertunangan. Dalam keluaran ini ikut-lah sambongan istiadat perkahwinan tersebut sa-lanjut-nya, ia-itu dari istiadat "menunggu tunang" hingga kepada istiadat "balek tiga hari".

hantar oleh pehak pengantin laki2 kepada pengantin perempuan.

Istiadat kedua2-nya ini pula ada-lah di-adakan sa-baya dan ada juga sa-tengah2 orang mendahulukan pengantin perempuan, tetapi hanya-lah sa-kadar kira2 dalam satu jam terdahulu.

Sa-belum menjalankan istiadat2 ini, ada pula di-adakan

Tujuan rombongan ini ia-lah untuk memberi isyarat kepada pehak pengantin laki2 bahawa pengantin perempuan sudah pun siap di-pakai2i dan bersedia untuk menerima kedatangan rombongan pengantin laki2.

Kemudian perarakan dari rumah pengantin laki2 menuju ka-rumah pengantin perempuan pun di-jalankan dengan

## OLEH ZUL-KIFLIE ABDULLAH

upachara berzikir sementara pengantin berhias dan di-pakai2i dengan pakaian yang chantek dan beradat. Kemudian pengantin itu di-dudokkan di-suatu tempat khas untuk menjalani istiadat berbedak itu.

Orang2 yang membedaki itu pula ada-lah terdiri kebanyakannya dari orang tua; tetapi yang mula2 membedaki biasanya di-lakukan oleh ayah atau ibu pengantin itu sendiri dan di-ikuti oleh yang lain-nya.

Istiadat berpachar atau berinai di-lakukan pada malam sa-belum hari melangsungkan "naik pengantin".

Dalam istiadat "naik pengantin" ini, sambutan dari kalangan kaum keluarga, sanak saudara dan sahabat handai ada-lah agak paling meriah dan hangat sekali.

## KELENGKAPAN DAPOR

Para jemputan hadir kira2 dua atau tiga jam terlebeh dahulu. Biasanya istiadat bersanding di-lakukan kira2 dalam tempoh sa-jam sa-belum matahari masuk (atau waktu malam), sedangkan para hadirin sudah pun mulai datang sejak dari pukul 2.00 petang itu.

Sa-telah hidangan selesai di-edarkan, dan pengantin laki2 siap di-hiasi dan di-pakai2i dengan pakaian yang indah2 dan mahal dan yang beradat, maka rombongan menuju ka-rumah pengantin perempuan sedia hendak dimulakan.

Tetapi sa-belum itu, satu rombongan yang terdiri (biasa-nya) dari kanak2 laki2 datang "membangkitkan" dari

bentuk gaya yang beradat menurut susunan yang tertentu.

Pengantin laki2 itu di-wakilkan oleh ayah-nya kepada sa-orang yang khas untuk memimpin-nya ka-rumah pengantin perempuan.

Biasa-nya perarakan demikian ada-lah di-dahului oleh para pemain hadhrah dan di-ikuti oleh empat orang pemuda yang membawa empat puchok dian besar (berbunga), dan baharu-lah pengantin dan pemimpin-nya tadi mengikuti susunan itu.

Bersama2 itu pula ia-lah sa-orang tukang kiap (kipas).

Sa-telah itu pula baharu-lah di-turuti oleh beberapa orang kanak2 yang di-gelarkan "pehawai" dan dua atau tiga orang muda yang mengangkat peti atau bik pengantin. Kemudian baharu-lah para jemputan perempuan serta pengan-gun atau "indong pengantin" dan akhir-nya di-ikuti oleh jemputan2 yang lain-nya.

Sa-tiba-nya saja rombongan itu di-tempat pengantin perempuan, mula2 pehawai2 di-suroh naik dan kemudian di-ikuti oleh pengan-gun, dan baharu-lah jemputan2 perempuan yang kemudian-nya di-ikuti oleh orang2 yang membawa dian2 besar tadi.

## ISTIADAT BERSANDING

Kemudian baharu-lah pengantin sendiri serta pemimpin-nya dan tukang kipas-nya sa-kali naik.

Pemain2 hadhrah tinggal di-halaman rumah meneruskan permainan-nya.

Pada sa-belah malam-nya pula, ia-itu sa-lepas menunaikan sembahyang fardhu 'isha, istiadat berambil2an pula di-

adakan. Istiadat ini di-langsungkan sa-lama tiga malam berturut2.

Sa-lepas tiga hari dari hari perkahwinan itu telah berlangsung, di-lakukan pula istiadat "balek tiga hari".

Pengantin laki2 (sekarang sudah menjadi suami) balek ka-rumah-nya untuk menziarahi ibu-bapa-nya.

Sa-belum bertolak, istiadat bersanding sa-kali lagi di-adakan terlebeh dahulu di-hadapan orang ramai. Hadhrah biasa-nya waktu ini hanya-lah terdiri dari antara kaum keluarga kedua pehak dan kawan2 yang berhampiran.

"Suami baru" itu kali ini memakai pakaian yang telah di-sediakan oleh pehak "isteri baru". Pakaian ini di-namakan "persalinan".

Selalu-nya pakaian yang di-buat khas dan chantek bentuk-nya ini ada-lah mahal harga-nya dan buatan-nya pun tentu-lah agak istimewa.

Tidak saperti di-hari perkahwinan, pengantin perempuan waktu ini tidak lagi menutup muka-nya. Chara bersanding pun ada-lah tidak sama saperti sa-waktu mula2 dahulu.

## ISTIADAT BERAMBIL2AN

Pada hari mula2 mereka bersanding, pengantin perempuan dudok merencong, ya'ani membelakangi pengantin laki2. Tetapi dalam istiadat balek tiga hari ini kedua2 pengantin bersanding benar2.

Peratoran2 yang tersendiri dalam istiadat balek tiga hari ini, pengantin laki2 balek pada siang hari dan kembali sa-mula ka-rumah isteri-nya pada sa-belah malam-nya.

Waktu balek ini-lah suami baru itu sa-kali lagi memakai pakaian2 pengantin dan apabila tiba di-tempat isteri-nya istiadat bersanding di-lakukan sa-kali lagi, khas untuk di-per-saksikan oleh para ibu-bapa sa-pasang merpati itu.

Waktu ini-lah juga si-suami itu membawa bersama2-nya barang2 kelengkapan dapor saperti pinggan-mangkok, kain-mengain, barang2 kemas saperti kalong dan chinchin dan lain2-nya dan kesemua barang2 ini di-tunjokkan kepada sekalian yang hadir waktu itu.

Ada juga sa-tengah2 dari saudara mara yang akan memberikan berbagai2 hadiah, biasa-nya terdiri dari barang2 kemas, di-serahkan mereka waktu ini.

Istiadat bersanding balek tiga hari ini berakhir dalam suasana mesera dan meriah.



# Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal Merasmikan Pembukaan Sambongan Padang Gof Panaga

SERIA. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah merasmikan pembukaan sambongan Padang Gof Panaga pada tengah hari Sabtu 23 Mei yang lalu.



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun (kanan sekali) kelihatan dalam gambar ini sa-belam beliau merasmikan pembukaan sambongan Padang Gof di-Panaga baharu2 ini. Berdiri di-sabelah beliau (memakai tali leher) ia-lah Penolong Pegawai Daerah Belait, Pg. Othman b. Pg. Anak Md. Salleh.

Ramai Pegawai2 Kerajaan, Pegawai2 Sharikat Minyak Shell dan ahli2 kelab itu telah hadir Permainan gof di-Seria telah di-mulakan sejak tahun 1928. Lima tahun kemudian, sa-buah padang yang baharu mengandongi 9 lubang telah di-siapkan sa-chara rasmi. Padang gof yang baharu itu ada-lah mengandongi 18 lubang.

Sa-lepas selesai di-langsungkan upacara pembukaan rasmi sambongan Padang Gof yang baharu itu, satu pertandingan gof untuk merebutkan Piala Linton yang telah di-hadiahkan oleh bekas Pengurus Urusan Sharikat Minyak She'l Brunei Berhad, Seria telah di-adakan.

Pemenang pertandingan tersebut ia-lah Revill manakala gelaran2 Naib Johan pertandingan tersebut telah di-menangi bersama oleh Dayang Hillier dan Dayang Mackechnie.

## MAJLIS MEMPERINGATI AWAL TAHUN 1384

SERIA. — Satu majlis memperingati dan menyambut tahun baharu Islam 1384 telah di-adakan di-Masjid Seria pada malam 23 Mei di-bawah anjoran Pelajar2 Kelas Dewasa Ugama, Seria.

Majlis tersebut telah di-isikan dengan sharahan mengenai sejarah hijrah Rasul-lullah dalam mengembangkan Ugama Islam oleh Timbalan Kadhi Besar, Brunei Awang Mohammad Zain bin Haji Serudin.

Dalam majlis itu juga, pembacaan kitab suci al-Koran telah di-sampaikan oleh Awang Abdullah bin Lakim dan Dayang Norleha bte Md. Noor.

Dalam sharahan-nya, Awang Mohammad Zain juga telah menyatakan penghargaan-nya atas semangat ke-Islaman yang telah di-tunjukkan oleh pelajar2 tersebut dengan mengadakan majlis yang besar arti-nya itu.

Semangat sa-umpama itu, kata-nya, harus-lah di-chontohi dan di-benamkan kepada seluruh umat Islam di-negeri ini.

Beliau menyeru seluruh umat Islam di-negeri ini supaya mendalam semangat beragama dan ilmu pengetahuan mereka, kalau

mahu hidup menjadi masharakat Islam yang tulih.

Untuk menuju ka-matalamat itu, kata-nya, Kerajaan telah menyediakan kelas2 dewasa Ugama dan kelas2 Dewasa memben-teras buta huruf.

## NASEHAT UNTUK PELANCHONG2

BANDAR BRUNEI. — Pelanchong2 yang hendak pergi dari Brunei ka-wilayah2 Sarawak dan Sabah ada-lah di-nasehatkan supaya mereka menggunakan Surat2 Perjalanan (Pasport) yang sah.

Oleh itu, semua penduduk2 Negeri Brunei yang berhak mendapat Surat Pengenalan Biasa Brunei ada-lah di-ingatkan supaya mengambil Surat Perjalanan tersebut untuk persediaan masing2.

Surat2 Pass atau Surat2 Pengenalan Dharurat yang tidak bergambar, tidak-lah akan di-keluarkan lagi. Demikian menurut satu siaran yang di-terbitkan oleh Pemangku Penguasa Pengawalan Imigresen, Brunei.

## MAJLIS2 MENYAMPAIKAN PERISAI2 KEDATANGAN

(Dari Muka 1)

lah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei, Tahun IIA dan (b) Se-

### KERJA KOSONG:

### Kursus Menjilid Di-Perchetakan Brunei

Pemohon2 ada-lah di-pelawa untuk memohonkan satu peluang menjilid kursus menjilid sa-lama tiga tahun di-Perchetakan Brunei di-Kuala Belait.

2. Syarat2 yang di-kehendaki bagi menjadi chalu ini saperti berikut: —

- (i) Pemohon itu hendak-lah ray-ayat Sultan.
- (ii) Tamat Darjah VII Sekolah Melayu.
- (iii) Mempunyai bakat dalam hal kerja menjilid.
- (iv) Mempunyai budi pekerti yang baik.

3. Chalu2 yang telah berjaya akan di-beri lathetan di-Perchetakan Brunei di-Kuala Belait dan akan di-tanggung perbelanjaan-nya saperti berikut: —

- (i) Tambang pergi balek dari tempat kediaman pemohon hingga ka-tempat lathetan.
- (ii) Tempat tinggal akan di-sediakan oleh pehak Perchetakan Brunei di-Kuala Belait.
- (iii) Alaan bulanan mengikut tabunan kursus: —
  - (a) tahun I Kerajaan \$80/- Sharikat Perchetakan Brunei \$50/-, Jumlah \$130/-.
  - (b) tahun II Kerajaan \$80/-, Sharikat Perchetakan Brunei \$78/-, Jumlah \$158/-.
  - (c) tahun III Kerajaan \$80/-, Sharikat Perchetakan Brunei \$120/-, Jumlah \$200..

4. Permohonan2 yang misti di-pe-nohikan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Jabatan Pelajaran Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, misti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Jun, 1964.

kolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer. Perisai2 Kedatangan tersebut akan di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Saleh.

Hari Isnin 29 Jun, 1964 - pukul 11 pagi di-Sekolah Melayu Sungai Besar, Kuala Brunei. Perisai Kedatangan tersebut akan di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis ibni Al-marhum Sultan Hashim.

Hari Khamis 2 Julai, 1964 — pukul 10 pagi di-Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong. Perisai Kedatangan tersebut akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof.

## SHARAHAN UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Anggot2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei akan melawat ka-beberapa tempat dalam bulan ini untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam.

Tarikh, masa dan tempat yang akan di-lawati itu ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari Juma'at 5 Jun mulai dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari — (a) Masjid Telisai, Daerah Tutong dan (b) Masjid Jerudong, Daerah Brunei.

Hari Juma'at 12 Jun mulai dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari — Masjid Lumapas, Daerah Brunei dan

mulai dari pukul 2 petang ka-pukul 4 petang — Sekolah Melayu Puni, Daerah Temburong.

Hari Ahad 14 Jun mulai dari pukul 2 petang ka-pukul 4 petang

— Sekolah Melayu Kasat, Daerah Brunei.

Hari Juma'at 19 Jun mulai dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari — (a) Masjid Lamunin, Daerah Tutong dan (b) Masjid Tanjong Maya, Daerah Tutong.

Hari Ahad 21 Jun mulai dari pukul 2 petang ka-pukul 4 petang — Sekolah Melayu Menunggol, Daerah Brunei.

Hari Juma'at 26 Jun mulai dari pukul 11 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari — (a) Masjid Kampong Masin, Daerah Brunei dan Masjid Pekan Kuala Belait.

Orang ramai, lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput ka-tempat2 tersebut untuk mendengar sharahan2 berkenaan dengan Ugama Islam kita yang Maha Suci.

## 5 Buah Lagi Sekolah2 Melayu Di-Buka

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah lagi Sekolah Melayu telah di-buka dalam bulan Mei yang lalu. Sekolah itu ia-lah Sekolah Melayu Bukit Beruang di-Ulu Tutong.

Empat buah lagi Sekolah2 Melayu akan di-buka dalam bulan Jun ini, ia-itu Sekolah2 Melayu Malilas dan Sukang di-Ulu Belait dan Sekolah2 Melayu Belais dan Sinokoh di-Daerah Temburong.

Dengan pembukaan sekolah2 tersebut, Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei berjumlah sa-banyak 79 buah.



# "Minggu Pelajaran" Menitek Beratkan Pelajaran Sa-Panjang Hari Persekolahan

**BANDAR BRUNEI.** — Kira2 15,000 orang murid2 Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan mengadakan berbagai2 achara di-sekolah masing2 sa-bagai menyambut MINGGU PELAJARAN dalam bulan Jun ini.

## PERJUMPAAN YANG SEDIH

**BANDAR BRUNEI.**— Kaum India di-Bandar Brunei telah bertafakur selama dua minit pada petang hari Juma'at yang lalu sa-bagai memperingati kematian bekas Perdana Menteri India Pandit Jawaharlal Nehru. Mendiang Pandit Nehru, berumur 74 tahun, telah meninggal dunia di-New Delhi pada hari Rabu 27 Mei, 1964.

Perjumpaan tersebut telah di-adakan di-pejabat Pesisutan India di-Bandar Brunei dan di-hadiri oleh ramai kaum India di-sini dan beberapa orang bangsa lain, termasuk Doktor J. S. Gould, Penasehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei.

Uchapan2 yang sedih memperingati kematian mendiang Pandit Nehru telah di-lafadzkan oleh Doktor Gould serta oleh beberapa orang di-majlis tersebut.

Satu ucapan ta'ziah yang di-hantarakan oleh Konsol Amerika di-Kuching, Awang William Brown kepada Yang Dipertua Persatuan India Bandar Brunei telah di-bachakan di-majlis tersebut oleh Setia Usaha persatuan itu, Awang Thomas.

Dalam ucapan-nya, Awang Brown menyatakan bahawa masharakat Amerika di-Sarawak, Sabah dan Brunei berdukachita bersama2 dengan masharakat India di-Negeri Brunei atas kesedihan atas kematian bekas Perdana Menteri India itu.

Persatuan India Bandar Brunei telah mengutuskan satu kawat ta'ziah kepada Presiden India sa-bagai tanda kesedihan atas kematian bekas Perdana Menteri India, mendiang Pandit Nehru.

## AWANG RONALD DAVIES MELAWAT BRUNEI

**BANDAR BRUNEI.** — Awang Ronald E. Davies, sa-orang Pegawai Jaycee dari Australia telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Jesselton pada petang 23 Mei yang lalu untuk melawat Chabang2 Jaycee di-Bandar Brunei dan Kuala Belait.

Ia telah di-temui oleh Awang Ong Kim Kee, Yang Dipertua, Jaycee Bandar Brunei dan beberapa orang anggota2 Jaycee tempatan.

Berhubung dengan sambutan tersebut satu ucapan yang berharga telah di-lafadzkan oleh Penge'ola Pelajaran Melayu Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff bagi pehak Pegawai Pelajaran Negara, Brunei melalui Radio Brunei pada hari Ahad 31 Mei.

Uchapan tersebut ada-lah seperti berikut:—

"Ibu bapa dan pendengar yang dihormati sekalian. Dengan melalui Radio Brunei saya dengan tulus ikhlas dan gembira menyampaikan salam muhibah dan hormat dari Pegawai Pelajaran Negara dan saya kepada seluruh pendengar yang dihormati. Uchapan yang saya akan lafadzkan ini ia-lah berkenaan dengan "Minggu Pelajaran" yang akan diadakan di-sekolah2 Melayu seluruh Negeri Brunei.

Ibu bapa dan pendengar2 sekalian yang di-hormati, tahun ini ia-lah tahun yang kedua kita mengadakan "Minggu Pelajaran" di-Sekolah2 Melayu Negeri Brunei. Dalam temasha Minggu Pelajaran tahun pertama ia-tu tahun 1963, kita telah dapat melaksanakan temasha itu dan sama2 menyaksikan berbagai2 achara yang di-adakan pada tiap2 sekolah ia-itu mengikut kebolehan dan keadaan suasana sekolah masing2. Sa-bagai tahun pertama atau tahun perchubaban, tentu-lah perjalanan temasha itu di-dapati kurang lancar dan kurang pada serba serbi-nya ini ada-lah saya akui. Tetapi memandang kepada sambutan Ibu Bapa dan para2 penuntut terhadap temasha Minggu Pelajaran itu terutama di-sekolah2 luar bandar dan di-hulu2 sungai ada-lah membuktikan suatu kejayaan yang

chemerlang. Ibu Bapa dan pendengar2 sekalian mari-lah kita sama2 bersbukur kepada Tuhan yang kita telah dapat bersama2 menunaikan suatu tugas untuk mendorong semangat.

Kerja sama di-antara guru2 dengan Ibu bapa dan penuntut2 sekalian, mago2 temasha Minggu Pelajaran kita tahun ini akan lebih berjaya lagi.

Ibu bapa yang di-hormati sekalian Minggu Pelajaran tahun ini akan di-langsungkan dari 1 hingga 30 Jun, 1964. Kira2 15,000 orang kanak2 dari semua Sekolah2 Melayu di-negeri ini akan mengadakan Minggu Pelajaran-nya pada satu hari yang akan di-tetapkan oleh Guru Besar sekolah masing2 di-antara 1 hingga 30 hari-bulan tersebut.

Sa-bagai yang telah di-maalumi, Minggu Pelajaran yang akan kita adakan ini ia-lah pengganti temasha "Hari Ibu Bapa" yang biasa kita lakukan pada tiap2 tahun yang lalu. Kerana itu "Minggu Pelajaran" sa-sungguh-nya mempunyai banyak persamaan dengan Hari Ibu Bapa.

Kalau dulu-nya Ibu bapa dan penjaga murid2 berpeluang menyaksikan hasil usaha kanak2 di-sekolah dalam beberapa segi, maka di-Minggu Pelajaran ini juga Ibu bapa dan penjaga kanak2 sekalian akan dapat menyaksikan perkara2 itu. Tetapi bedanya Minggu Pelajaran yang akan diadakan ini kebanyakan-nya tertumpu kepada menitek—beratkan hal2 yang berkisar dengan pelajaran dan pengajaran di-sekolah2 pada sa-panjang hari persekolahan.

Pendengar2 yang di-hormati, Tujuan Jabatan Pelajaran mengadakan Minggu Pelajaran ini ia-lah untuk memberi peluang kepada ibu bapa dan penjaga murid2 datang beramai2 melawat dan menyaksikan anak2 mereka mempelajari berbagai2 jenis pelajaran di-sekolah. Umpama-nya menyaksikan chara murid2 belajar berkebud, menjahit, bertukang, bermain, bernyanyi dan mempelajari mata2 pelajaran yang di-ajar oleh guru-nya masing2. Dengan jalan ini ibu bapa dan penjaga kanak2 sekalian akan dapat memerhati dengan terang dan jelas bagai mana chara-nya kanak2 belajar di-sekolah dari sini ibu bapa dan penjaga kanak2 akan dapat me-

ngetahui dalam beberapa hal yang bersangkutan dengan 'Pelajaran dan Pengajaran' umpama-nya dalam masa saorang guru mengajar pelajaran 'Ilmu Kira2' tentu-lah akan terbit beberapa masalah yang berhubung dengan-nya, dan dari hasil pemerhatian ini ibu bapa dan penjaga2 akan mengetahui apa-kah anak2 itu maju atau mundur menghadapi-nya? atau apakah kesulitan yang menyebabkan anak2 selalu mundur? apa-kah punca-sebabkan chara guru menyampaikan pelajaran itu tidak sesuai? atau kurang sokongan dan bantuan? atau dekan atau asohan dari ibu bapa atau penjaga sendiri.

Dari hasil peninjauan dan pemerhatian ibu bapa dan penjaga2 itu kelak, maka ibu bapa atau penjaga akan dapat meletakkan penentuan pertimbangan dan penilaian yang sa-wajarnya. Oleh itu datang-lah beramai2 menyaksikan "Minggu Pelajaran" di-sekolah2 Kampong masing2 bila tiba masa-nya.

Kira-nya ibu bapa atau penjaga murid2 sendiri menyadari akan sebab2 kemundoran anak2 dalam pelajarannya maka bantuan dan kerja-sama dari ibu bapa sekalian ada-lah dipohonkan untuk mengatasi segala kesulitan dan kepinchangan itu.

Akhir-nya pehak Jabatan Pelajaran berseru kepada ibu bapa atau penjaga murid2 sekalian agar dapat menghadziri dan menyaksikan kemajunya anak2 ibu bapa pada masa "Minggu Pelajaran" di-lancarkan nanti di-sekolah masing2 dan penutup-nya terlebih dahulu saya bagi pehak Pegawai Pelajaran Negara menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada semua rakan sejawat saya, Nadzir2, Guru2 Besar dan sekalian guru2 Sekolah Melayu serta siapa saja yang telah dan akan memberi bantuan kerja sama bagi menjayakan Temasha Minggu Pelajaran ini.—Terima kasih."

## MASHUARAT AGONG JAYCEE

**BANDAR BRUNEI.** — Jaycee Bandar Brunei akan mengadakan Mashuarat Agong Ulang Tahun-nya bertempat di-Brunei Sports Club pada hari Rabu 10 Jun, 1964 mulai pada pukul 5.45 petang.

## WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3 Jun hingga ka-hari Selasa 16 Jun, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:—

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
3	4.37	4.52	12.25	3.42	6.35	7.47
4	4.37	4.52	12.25	3.42	6.35	7.47
5	4.37	4.52	12.25	3.42	6.35	7.47
6	4.37	4.52	12.25	3.42	6.35	7.47
7	4.37	4.52	12.25	3.42	6.35	7.47
8	4.37	4.52	12.25	3.42	6.36	7.48
9	4.37	4.52	12.25	3.42	6.36	7.48
10	4.37	4.52	12.26	3.43	6.36	7.48
11	4.37	4.52	12.26	3.43	6.36	7.48
12	4.37	4.52	12.26	3.43	6.36	7.48
13	4.37	4.52	12.26	3.43	6.37	7.49
14	4.37	4.52	12.26	3.43	6.37	7.49
15	4.37	4.52	12.26	3.43	6.37	7.49
16	4.37	4.52	12.27	3.44	6.38	7.50

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Awang Ronald E. Davies (tengah) bergambar dengan beberapa orang Pegawai2 Jaycee Bandar Brunei di-hadapan bangunan Lapangan Terbang Brunei pada masa beliau tiba dari Jesselton baharu2 ini.



# SOKAN DAERAH2 BRUNEI DAN BELAIT

**BANDAR BRUNEI.** — Pertandingan2 Sokan Peringkat Daerah2 Brunei dan Belait akan di-akan dengan serentak pada hari Sabtu 13 Jun dan pada hari Ahad 14 Jun di-daerah masing2, di-bawah anjoran Persatuan Sokan Negeri Brunei.

Pertandingan Sokan Peringkat Daerah Brunei akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei, manakala Pertandingan Sokan Peringkat Daerah Belait pula akan di-adakan di-Gelanggang Sokan Seria.

Pertandingan tersebut di-bahagikan kepada tiga bahagian, seperti berikut :

(a) Bahagian Lelaki — Senior: Tiap2 peserta mesti-lah berumur 18 tahun ka-atas, ia-itu ia di-lahirkan pada atau sa-belum 30 Jun, 1946.

(b) Bahagian Lelaki — Junior: Tiap2 peserta mesti-lah berumur 18 tahun ka-bawah, ia-itu ia di-lahirkan pada atau sa-lepas 1 Julai, 1946.

(c) Bahagian Wanita: Umor peserta yang hendak mengambil bahagian ini tidak-lah di-hadkan. Bagaimana pun, tiap2 peserta wanita hendak-lah berumur sa-kurang2 13 tahun.

Bayaran masuk bertanding bagi sa-sorang peserta ia-lah 50 sen untuk tiap2 jenis perlumbaan, kecuali lumba lari berganti2.

Tiap2 pasokan yang hendak mengambil bahagian dalam lumba lari berganti2 di-kenakan bayaran sa-banyak \$2 untuk

tiap2 jenis lumba lari berganti2 itu.

Peserta2 di-Daerah Brunei dan dari lain2 daerah, kecuali Daerah Belait, yang hendak mengambil bahagian hendak-lah menghantarkan borang2 permohonan masing2 kepada Awang Abdi Manaf bin P.H.A. Bakar, d/a Jabatan Pelajaran, Brunei.

Peserta2 di-Daerah Belait hendak-lah menghantarkan borang2 permohonan mereka k a p a d a Awang M.V. Singham, d/a Sharakat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

Segala borang2 permohonan tersebut hendak-lah di-terima oleh beliau2 tersebut sa-belum pukul 4 petang hari Khamis 4 Jun, 1964.



Satu pemandangan di-temasha menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 Pertandingan Sokan Maktab Perguruan Melayu Brunei baharu2 ini. Gambar dengan ehsan Awang Ali Aduka.

## SOKAN SEKOLAH2 MISI

**SERIA.** — Sekolah2 Misi Saint Michael dan Saint Angela telah mengadakan satu temasha sokan bertempat di-Gelanggang Sokan Seria baharu2 ini dan beberapa rekod yang lama telah dapat di-atasi di-temasha itu.

Ismail Rani telah berjaya menyanggah gelaran sa-bagai Bintang Sokan Lelaki Bahagian Senior. Ismail telah mendapat 35 mata.

Chung Voon Chong pula telah berhasil mendapat gelaran sa-bagai Bintang Sokan Lelaki Ba-

hagian Senior telah di-sandang oleh Doreen Hiew. Doreen telah mendapat 19 mata.

Gelaran Bintang Sokan Wanita Bahagian Junior telah di-sandang oleh Vera Then. Vera juga telah menang lumba lari berganti2 4x100 ela antara sekolah2 yang di-jemput mengambil bahagian dalam perlumbaan itu, dengan mengambil masa 48.0 sa'at.

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah menjadi Naib Johan dalam perlumbaan tersebut, manakala gelaran yang ketiga telah di-sandang oleh Sekolah Misi Saint Michael, Seria.

Joseph Chin dari Bandar Brunei telah menjadi johan dalam lumba lari 1,500 meter terbuka. Masa-nya ia-lah 4 minit, 35.4 sa'at.

Henry Chin telah menjadi Naib Johan dan Charlie Bogosoff telah mendapat gelaran yang ketiga dalam perlumbaan tersebut.

Padri A.D. Galvin dari Miri, Sarawak telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 pertandingan sokan tersebut.

## KRIKET:

### Sabah Menang

**JESSELTON.** — Sabah telah mengalahkan Brunei dengan 93 lari dalam pertandingan kriket antara pasokan2 wilayah2 Sabah-Brunei-Sarawak, untuk merebutkan Perisai Davidson.

Pertandingan kriket tersebut telah di-langsungkan di-Jesselton pada 23 dan 24 Mei.

Dalam pusingan pertama Sabah mendapat 189 lari dan Brunei mendapat 156 lari, manakala dalam pusingan yang kedua pula Sabah mendapat 131 lari dan Brunei mendapat 71 lari.

Maka dengan kemenangan-nya itu, Sabah akan melawan Sarawak untuk menentukan siapakah yang akan berjaya memperolehi Perisai Davidson itu pada tahun ini.

**CHATETAN:** Brunei telah menang pertandingan tersebut pada tahun sudah sa-lepas mengalahkan Sabah dan Sarawak di-Seria.

## Pertandingan Tinju Seluruh Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Pertandingan Tinju untuk merebutkan gelaran2 kejohanan bagi saluruh Negeri Brunei akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan Julai akan datang.

Perlawanan2 Pemilihan akan di-adakan pada malam 3 Julai, manakala perlawanan2 saporoh akhir dan akhir akan di-adakan

pada malam 4 Julai.

Pertandingan tersebut adalah terbuka dengan perchuma kepada semua ahli2 tinju "amateur" dan anggota2 Pasokan2 Keselamatan di-seluruh Negeri Brunei.

Berita lanjut mengenai pertandingan tinju itu akan di-siarkan dalam akhbar ini keluaran akan datang.

## BINTANG2 SOKAN MAKTAB PERGURUAN

"Bintang2 Sokan" Maktab Perguruan Melayu Brunei Tahun 1964. Gambar ini di-ambil oleh Chegu Ali Aduka dari Maktab Perguruan Melayu Brunei sa-baik sahaja tamat Pertandingan Sokan maktab tersebut baharu2 ini. Berdiri di-kiri ia-lah Awangku Ali bin Pengiran Hidup dan di-kanan ia-lah Tuah bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman. Rokiah binti Hussain kelihatan duduk dalam gambar ini.

Tuah bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman, berumur 19 tahun, ia-lah penuntut tahun dua di-Maktab Perguruan Melayu Brunei. Sa-belum menuntut ilmu perguruan di-Maktab itu, ia telah belajar di-Sekolah Melayu Sengkurong dan kemudian menjadi sa-orang Guru Pelateh di-sekolah itu.

Awangku Ali bin Pengiran Hidup kini berumur 20 tahun, ia juga penuntut tahun dua di-maktab tersebut. Sa-belum belajar di-Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awangku Ali telah belajar di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dan kemudian menjadi sa-orang Guru Pelateh di-Sekolah Melayu S.M.J.A.

Tuah dan Awangku Ali yang telah menyanggah gelaran bersama sa-bagai Bintang2 Sokan Bahagian Lelaki, Maktab Perguruan Melayu Brunei, tahun 1964 kini berlatih dengan giat-nya untuk mengambil bahagian dalam temasha sokan anjoran Persatuan Sokan Negeri Brunei. Kalau boleh, mereka berhajat hendak mewakili Negeri Brunei dalam temasha Sokan Borneo yang akan di-adakan di-Seria dalam bulan Julai akan datang.

Rokiah binti Hussain pada masa ini berumur 18 tahun. Ia telah menyanggah gelaran sa-bagai Bintang Sokan Bahagian Perempuan Maktab Perguruan Melayu Brunei bersama2 dengan Juana Lahab dalam tahun 1963. Ini-lah tahun yang penghabisan Rokiah menuntut ilmu perguruan di-maktab tersebut. Sa-belum di-pilih belajar di-Maktab Perguruan Melayu Brunei, Rokiah telah belajar di-Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara. Dalam perlumbaan Merentas Desa Bahagian Wanita anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei baharu2 ini, Rokiah telah berhasil menyanggah gelaran yang ketiga.





## TARIKH2 SAMBUTAN MINGGU PELAJARAN

BANDAR BRUNEI. — Tarikh2 sambutan Minggu Pelajaran di-Sekolah2 Melayu dalam Negeri Brunei sa-bagai mana yang telah di-terbitkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Brunei ada-lah seperti di-bawah ini :

4 Jun — Sekolah2 Melayu Nakhoda Abdul Rashid Munggu dan Pulau Berbunut. 7 Jun — Sekolah2 Melayu Tempayan Telisai, Batu Marang dan Pu'au Baru-Baru. 8 Jun — Sekolah Melayu Labu Estate. 9 Jun — Sekolah Melayu Piasau-Piasau. 15 Jun — Sekolah Melayu Sultan Hashim Batu Apoi. 16 Jun — Sekolah Melayu Belingus. 17 Jun — Sekolah Melayu Biang. 18 Jun — Sekolah Melayu Amo. 19 Jun — Sekolah Melayu Rambai. 20 Jun — Sekolah Melayu Kuala Balai. 21 Jun — Sekolah2 Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Ahmad Tajuddin, Sungai Liang, Labi, Delima I, Sultan Hassan, Puni, Muda Hashim, Penanjong, Keriam, Sinaut, Kupang, Birau, Lamunin Kampong Menengah, Pengiran Muda Mahkota Kuala Tutong, Layong dan Panchong. 22 Jun — Sekolah2 Melayu Laila Menchanai, Bukit Sawat, Anggerek Desa, Bukit Panggal dan Kampong Bukit. 23 Jun — Sekolah2 Melayu Sungai Kebun, Lambak dan Banutan. 24 Jun — Sekolah2 Melayu Pintu Malim, Burong Pingai, Bakiau dan Bukit Udal. 25 Jun — Sekolah2 Melayu

Raja Isteri Fatimah, Tanah Jambu, Kiudang, Abdul Rashid, Tanjong Maya, Ukong dan Batang Mitus. 26 Jun — Sekolah Melayu Danau.

28 Jun — Sekolah2 Melayu Muhammad Alam, Rampayoh, Sultan Umar Ali Saifuddin Muara, Gadong, Bengkurong, Kilanas Bendahara Sakam, Sengkuring, Kati Mahar, Jerudong, Subok, Putat, Lumapas, Bokok dan Kasat.

29 Jun — Sekolah2 Melayu Serasa, Sungai Besar, Dato Ganda, Pengkalan Batu, Masin dan Kinua. 30 Jun — Sekolah2 Melayu Mentiri, Sungai Hanching, Panchor Murai dan Limau Manis.

## Pertandingan Sokan Sekolah2 Daerah Belait

SERIA. — Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh, telah merasmikan pembukaan pertandingan sokan sekolah2 Daerah Belait pada petang hari Ahad 31 Mei.

Pertandingan sokan itu telah di-adakan di-Gelanggang Sokan Seria di-bawah anjoran Persatuan Sokan Negeri Brunei. Sa-banyak 17 jenis perlumbaan2 telah di-adakan di-temasha tersebut dan sambongannya akan di-adakan pada petang hari Ahad 7 Jun bertempat di-Gelanggang Sokan tersebut juga.

Keputusan perlumbaan2 yang telah di-jalankan pada petang hari Ahad yang lalu ada-lah seperti di-bawah ini :

Bahagian kanak2 lelaki: 1. Maktab Anthony Abell, Seria - 74 mata. 2. Sekolah Misi Saint Michael, Seria — 51 mata dan 3. Sekolah Misi Saint Margaret, Seria - 43 mata.

Bahagian kanak2 perempuan: 1. Sekolah Misi Saint Angela, Seria - 41 mata. 2. Maktab Anthony Abell Seria — 26 mata dan Sekolah Misi Saint Margaret, Seria - 16 mata.

## SEMINAR P. B. B. DI-KABUL



Satu pemandangan di-Seminar Pertubuhan Bangsa2 Bersatu mengenai Hak Asasi Ma'anusia bagi negeri2 yang sedang berkembang yang telah di-adakan di-Universiti Kabul Afghanistan baharu2 ini. Di-kiri sekali ia-lah Awang Abidin bin Abdul Rashid dan di-sabelah beliau ia-lah Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dari Negeri Brunei.

BERAKAS. — Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait dan Awang Abidin bin Abdul Rashid Pegawai Pentadbir, Brunei telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari Kabul, ibu kota Afghanistan setelah menghadiri Seminar Pertubuhan Bangsa2 Bersatu sa-bagai wakil2 dari Kerajaan Brunei.

Seminar itu telah di-adakan di-Universiti Kabul mulai dari 12 Mei hingga 28 Mei dan mauzumin-nya ia-lah mengenai hak asasi ma'anusia bagi negeri2 yang sedang berkembang.

Pengarah Bahagian Hak Asasi Ma'anusia, Pertubuhan Bangsa2 Bersatu, Awang John P. Humphrey telah merasmikan pembukaan seminar tersebut bagi pehah Setia Usaha Agong, Pertubuhan Bangsa2 Bersatu, U Thant. Uchapan2 Pembukaan seminar itu telah di-lafadzkan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran Afghanistan, Yang Terutama Doktor Ali Ahmad Popal; Yang Dipertua Universiti Kabul, Doktor Anwari dan lain2-nya.

## Perkhemahan Pengakap2

GADONG. — Perkhemahan Sa-tengah Tahun Pengakap2 Negeri Brunei akan di-adakan di-Perkhemahan Pengakap di-Jalan Gadong, ia-itu tidak jauh dari Sekolah Melayu Gadong selama tiga hari mulai dari hari Juma'at 5 Jun hingga ka-hari Ahad 7 Jun, 1964.

Berbagai2 peraduan akan di-adakan di-temasha tersebut, di-

## KEMALANGAN DI-JALAN TUTONG

PEKAN TUTONG. — Satu kemalangan jalan-rama yang menyebabkan tangan kanan seorang pemandu kereta sewa pontong telah berlaku kira2 sa-batu dari sini, pada 31 Mei lepas.

Orang yang malang itu ia-lah Awang Salam bin Osman dari Kampong Penanjong, Tutong.

Beliau telah memandu kereta beliau dalam perjalanan ka-Bandar Brunei dan dengan tiba2 telah bertembong dengan sa-buah lori dalam perjalanan-nya ka-Seria.

Sa-jurus kemalangan itu berlaku, Awang Salam telah di-kejarkan ka-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei untuk menerima rawatan. Penumpang2 dalam kereta-nya itu juga telah di-bawa ka-rumah sakit dan telah di-benarkan pulang ka-rumah mereka sa-telah di-rawat.

Pemandu lori tersebut tidak mendapat apa2 kemalangan, tetapi kereta Awang Salam telah rosak terok.

Sementara itu satu lagi kemalangan jalan-rama telah juga berlaku hari itu, apakala sa-buah kereta yang lain telah tergelincir dan terbalek di-Batu 1, Jalan Tutong.

Kereta itu kelihatan telah rosak terok, tetapi pemandu dan penumpang2-nya telah terselamat dari sebarang bahaya.

## Kebakaran

### Di-Waktu Suboh

LIMBANG. — Satu kebakaran yang paling burok dalam sejarah Limbang telah berlaku apakala 10 orang telah menemui maut akibat kebakaran tersebut, pada suboh 1 Jun, 1964.

Mangsa2 itu telah terperangkap dalam 9 pintu bangunan kedai2 di-"main bazaar" disini apabila api telah menjilat kedai2 itu dengan-ganas-nya.

Tujuh orang dari mangsa2 itu ia-lah perempuan dan kanak2, dan tiga orang laki2.

Dua orang lagi telah mendapat chederz akibat kebakaran itu.

Pihak pulis menyiasat puncha2 kebakaran tersebut.



Kawasan Perkhemahan Askar Melayu Brunei, di-Berakas maseh dalam pembenaan, tetapi tidak lama lagi sa-tengah2 dari bangunan2 ini (atas) boleh di-diami. Gambar ini telah di-ambil baharu2 ini dari atas bukit tempat rumah kediaman Pegawai Pemerintah askar itu.